



SOALAN

Bagaimana kita menggunakan 'oleh kerana' dan 'oleh sebab'?

Oleh: Amalina Adnan & Aslydiana,
P6/2, Sekolah Rendah Griffiths



JAWAPAN

Oleh merupakan kata sendi nama. Biasanya selepas kata sendi nama hendaklah diikuti dengan kata nama. Contoh:

- Majlis Bicara Bahasa itu dirasmikan **oleh** Tun Ismail.
- Pokok bunga mawar itu dirosakkan **oleh** budak-budak nakal itu.
- Lukisan itu dilukis **olehnya**.

Kekata / Frasa selepas '**oleh**' dalam ayat di atas, iaitu Tun Ismail, budak-budak nakal itu dan nya merupakan kata / frasa nama.

Kekata '**kerana**' pula merupakan kata hubung dan tidak boleh diikuti selepas '**oleh**'. Jadi tidak boleh wujud '**oleh kerana**'.

'**Sebab**' boleh menjadi kata hubung dan kata nama. Contoh ayat:

- Budak itu menangis **sebab** dipukul ibunya. (kata hubung)
- Berikan **sebab** yang munasabah akan kelewatan awak hari ini. (kata nama)

Jadi, **oleh sebab** hendaklah digunakan, bukan oleh kerana. Ayat-ayat contoh yang menggunakan **oleh sebab** ialah:

- **Oleh sebab** tidak mempunyai wang, dia tidak mengikuti wisata ilmu ke Thailand.
- **Oleh sebab** sering berlaku kemalangan, jalan itu dijadikan jalan sehalu.
- Dia tidak mengikuti latihan bola sepak **oleh sebab** hujan.
- Pemain skuasy itu tewas **oleh sebab** kurang latihan.
- Dia mendapat keputusan yang cemerlang **oleh sebab** ketekunannya.